



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **HUBUNGAN ANTARA KERJA GURU DENGAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI TINGKATAN ENAM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **HUBUNGAN ANTARA KERJA GURU DENGAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI TINGKATAN ENAM**

**LATIFAH SURIA BINTI HASHIM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 20..(hari bulan)09..... (bulan) 2019.**i. Perakuan pelajar :**

Saya, LATIFAH SURIA HASHIM (M20151000279) FPE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KERJA GURU DENGAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI TINGKATAN 6

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 Tandatangan pelajar [upsi.edu.my](http://upsi.edu.my)Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR RAMLEE ISMAIL (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA KERJA GURU DENGAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI TINGKATAN ENAM

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**Prof. Madya Dr. Ramlee Ismail**  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Ekonomi  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

HUBUNGAN ANTARA KERJA GURU DENGAN  
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN  
DI TINGKATAN ENAM

No. Matrik / Matric No.:

M 20151000274

Saya / I:

LATIFAH SURIA HASHIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
- 3.0 Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaklum dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20.09.2019

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.





## PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan hidayatNya, saya telah dapat melaksanakan penyelidikan ini dengan sempurna. Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai harganya daripada pelbagai pihak. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang berkenaan.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Ramlee bin Ismail atas bimbingan dan bantuan beliau sepanjang penyediaan disertasi ini. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak pentadbir sekolah yang banyak memberikan kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga kepada semua responden kajian. Tanpa kerjasama dan keikhlasan mereka sudah pasti penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan.

Khas buat suami tercinta, Muhammad Adha serta anak-anak tersayang penyejuk mata Muhammad Amsyar, Muhammad Aqif dan Muhammad Aidan, yang sentiasa mendoakan, memberi semangat serta inspirasi untuk menyiapkan disertasi ini, sesungguhnya kehadiran kalian disisi adalah sumber kekuatan. Tidak lupa kedua ibu bapa, Haji Hashim Awang dan Hajjah Rasiah Teh, ibu mertua Hajjah Nor Azam Ahmad serta adik-beradik Hulaimi, Hariana, Husaizi, dan Nurhazwani. Jasa kalian tidak terhitung banyaknya.

Akhir sekali, tidak lupa kepada semua rakan guru yang telah membantu, budi baik dan keikhlasan yang diberikan akan saya kenang sepanjang hayat. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara kerja guru dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan di tingkatan enam bagi mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan. Kajian ini juga menilai perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan mata pelajaran, beban tugas guru mata pelajaran dan pengalaman mengajar guru terhadap pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan di peringkat prauniversiti. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan melibatkan 109 orang guru tingkatan enam yang mengajar mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di sekolah menengah dalam Negeri Pahang. Subjek kajian pula terdiri daripada 86 orang guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan yang dipilih menggunakan teknik persampelan secara kebetulan. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berstruktur. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif menjelaskan tahap perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan mata pelajaran, beban tugas guru mata pelajaran dan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan, manakala statistik inferens pula melibatkan ujian korelasi Pearson yang menerangkan hubungan antara boleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan berada di tahap tinggi dengan skor min 3.08 manakala perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan mata pelajaran dan beban tugas guru mata pelajaran berada di tahap sederhana. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan mata pelajaran dan pengalaman mengajar dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan. Hubungan yang paling signifikan adalah hubungan antara perancangan dan persediaan guru dengan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan iaitu Nilai Pearson  $r$  ialah  $(86, p = 0.000) = 0.602$ ,  $p < 0.05$ . Nilai koefisien ( $r = 0.602$ ) adalah signifikan pada paras keertian 0.05 menunjukkan hubungan yang positif. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kalangan guru tingkatan enam berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian menunjukkan pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kalangan guru tingkatan enam sangat baik dan tiada hubungan yang signifikan antara pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan dengan beban tugas guru mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan.





## THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHER'S WORK AND THE IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING AT FORM SIX

### ABSTRACT

This research is to evaluate the implementation of learning and facilitating among form 6 teachers for Economy and Business Study subjects. The objective of this research is also to examine the planning and preparation of the teachers, preparation of the students, subject management and the burden of the subject teachers towards the learning and facilitation process at preuniversity level. The quantitative measure with the survey method has been used in this study. The chosen of the research subject was done by selecting random sample which involved 109 form 6 teachers who teach Economy and Business Study in Pahang. The research subjects consist of 86 teachers who teach those two subjects. The instrument used in this study is structured questionnaire. The data was analyzed by using descriptive analysis and inference. Descriptive analysis explains the level of planning and preparation of the teachers, students' preparation, subject management, the burden of the subject teachers and the learning and teaching process, whereas statistic inference is used to involve Pearson correlation test that explains the relationships among the study variables. The research result shows the implementation of teaching and facilitation is on high while the teachers' planning and preparation, students' preparation, subject management and the burden of the subject teacher are average. Pearson Correlation analysis shows there is significant relationship between the planning and the preparation of the teachers, students' preparation, subject management and the teaching experience in learning and facilitation process. The conclusion of this study indicates the implementation of learning and facilitation process among form 6 teachers is high. The research implication shows the implementation of learning and facilitation among form 6 teachers is very good and there is no significant relationship between the implementation of learning and facilitation with the burden faced by Economy and Business Study teachers.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

### BAB I PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kerangka Teori	10





1.7	Kerangka Konseptual	12
1.8	Definisi Operasi	13
1.8.1	Sistem Modular (Penjenamaan Semula Tingkatan 6)	13
1.8.2	Pengajian Tingkatan 6 (Prauniversiti)	14
1.8.3	Mata Pelajaran Ekonomi	15
1.8.4	Mata Pelajaran Pengajian Perniagaan	15
1.8.5	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	16
1.8.6	Perancangan dan Persediaan Guru	16
1.8.7	Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru	17
1.8.8	Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	17
1.8.9	Pengurusan	18
1.8.10	Beban Tugas	19
1.9	Limitasi Kajian	20
1.10	Kepentingan Kajian	21
1.11	Kesimpulan	21

## BAB II                  TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pendidikan Tingkatan 6 (Prauniversiti)	24
2.3	Perubahan Sistem Pengajian	26
2.3.1	Sistem Terminal	26
2.3.2	Sistem Modular	28





2.4	Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di Tingkatan 6	34
2.5	Perancangan dan Persediaan Guru	38
2.6	Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru	40
2.7	Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	45
2.8	Pengurusan	46
2.9	Beban Tugas	46
2.10	Teori-teori Penjenamaan Semula Tingkatan 6	50
2.11	Kajian-Kajian Lepas	54
2.12	Kesimpulan	56

### **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Populasi dan Persampelan	61
3.4	Instrumen Kajian	64
3.4.1	Soal Selidik Guru	65
3.5	Kajian Rintis	71
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	74
3.7	Prosedur Analisis Data	75
3.7.1	Kaedah Kuantitatif	75
3.7.2	Analisis Deskriptif	76
3.7.3	Analisis Inferens	76





3.8	Kesimpulan	80
-----	------------	----

## BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	81
4.2	Profil Responden	82
4.3	Analisis Deskriptif	85
4.3.1	Perancangan dan Persediaan Guru	85
4.3.2	Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru	89
4.3.3	Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	91
4.3.4	Pengurusan Mata Pelajaran	94
4.3.5	Beban Tugas Guru Mata Pelajaran	96
4.3.6	Tahap Perancangan dan Persediaan Guru	99
4.3.7	Tahap Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru	101
4.3.8	Tahap Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	102
4.3.9	Tahap Pengurusan Mata Pelajaran	102
4.3.10	Tahap Beban Tugas Guru Mata Pelajaran	103
4.4	Analisis Inferens	103
4.4.1	Hubungan antara Perancangan dan Persediaan Guru dengan Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	105
4.4.2	Hubungan antara Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru dengan Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	107
4.4.3	Hubungan antara Pengurusan Mata Pelajaran dengan	108





## Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

4.4.4	Hubungan antara Beban Tugas Guru Mata Pelajaran dengan Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	110
4.4.5	Hubungan antara Pengalaman Mengajar ke atas Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	112
4.5	Rumusan	114

## BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	116
5.2	Ringkasan Kajian	117
5.3	Perbincangan	120
5.3.1	Tahap Perancangan dan Persediaan Guru	121
5.3.2	Pandangan Guru Terhadap Tahap Persediaan Pelajar	122
5.3.3	Tahap Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	123
5.3.4	Tahap Pengurusan Mata Pelajaran	124
5.3.5	Tahap Beban Tugas Guru Mata Pelajaran	126
5.3.6	Hubungan yang Signifikan	128
5.4	Kesimpulan	130
5.5	Cadangan Penambahbaikan	131
5.6	Penutup	133
	<b>RUJUKAN</b>	135





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jumlah populasi guru mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan T6 mengikut daerah di negeri Pahang	63
3.2 Item Perancangan dan Persediaan Guru	66
3.3 Item Persediaan Pelajar	67
3.4 Item Pelaksanaan PdPc	68
3.5 Item Pengurusan Mata Pelajaran	69
3.6 Item Beban Tugas Guru Mata Pelajaran	70
3.7 Item soalan dalam pelaksanaan PdPc	73
3.8 Nilai Cronbach Alpha bagi setiap elemen soal selidik	74
3.9 Rumusan skor rendah, sederhana dan tinggi	78
3.10 Analisis data yang digunakan bagi memenuhi objektif kajian	79
4.1 Profil responden kajian	84
4.2 Perancangan dan Persediaan Guru ( $n = 86$ )	88
4.3 Persediaan pelajar ( $n = 86$ )	91
4.4 Pelaksanaan PdPc ( $n = 86$ )	93
4.5 Pengurusan mata pelajaran ( $n = 86$ )	95
4.6 Beban tugas guru mata pelajaran ( $n = 86$ )	98
4.7 Rumusan skor purata min mengikut tahap	100
4.8 Skor purata min bagi tahap	101





4.9	Analisis korelasi Pearson bagi hubungan perancangan dan persediaan guru dengan pelaksanaan PdPc.	106
4.10	Analisis korelasi Pearson bagi hubungan antara persediaan pelajar dari perspektif guru dengan pelaksanaan PdPc.	108
4.11	Analisis korelasi Pearson bagi hubungan antara pengurusan mata pelajaran dengan pelaksanaan PdPc.	110
4.12	Analisis korelasi Pearson bagi hubungan antara beban tugas dengan pelaksanaan PdPc	112
4.13	Analisis korelasi Pearson bagi hubungan antara pengalaman mengajar ke atas pelaksanaan PdPc	114





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

### Muka Surat

12



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JU	Jurulatih Utama
KPK	Kurikulum Prasekolah Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
T6	Tingkatan 6
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI LAMPIRAN

- A Jumlah Populasi Guru Mata Pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan T6 mengikut Daerah di Negeri Pahang
- B Senarai Sekolah-sekolah Tingkatan 6 yang Menawarkan Mata Pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di Negeri Pahang
- C Soal Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB I

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2015 menggariskan pelbagai strategi bagi memenuhi keperluan pendidikan abad ke21 yang merangkumi dua aspek pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Pelaksanaan PdPc merujuk kepada pembangunan pendidikan secara menyeluruh serta membangunkan pelajar secara holistik. Proses ini bertujuan untuk membolehkan persaingan di peringkat antarabangsa dalam kalangan rakyat dan negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2005) menjelaskan pendidikan di Malaysia bermula dengan prasekolah yang menyediakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) yang digubal tahun 2003. Tujuan KPK bermatlamatkan ke arah menyediakan anak-anak lima tahun dengan keperluan asas yang kukuh dalam komunikasi serta sosial disamping kemahiran lain sebagai persediaan melangkah ke alam sekolah rendah. Penggunaan KPK disediakan kepada semua kelas pendidikan awal seperti kelas-kelas di bawah Kementerian, agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara serta pihak swasta yang lain.

KPM (2015) menggariskan pendidikan diteruskan di peringkat rendah iaitu apabila kanak-kanak berumur enam tahun serta memperuntukkan masa lima hingga tujuh tahun dimana pendidikan ini bertujuan memenuhi keperluan sebagai sebuah

negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang terdiri daripada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan bagi peringkat ini yang meliputi pendidikan secara bersepadu dan menyeluruh bagi pendekatan, struktur, dan bahan PdPc berdasarkan kurikulum. Ini bertujuan untuk mengembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh serta seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. KSSR dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap satu bermula pada Tahun satu hingga Tahun tiga yang menumpukan penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) serta memupuk nilai dan bakat. Tahap dua bermula pada Tahun empat sehingga Tahun enam dan penekanan diberi sama seperti tahap satu ditambah dengan penguasaan ilmu serta kemahiran berfikir





secara kritis serta kreatif. Penekanan juga diberikan kepada kemahiran membaca dan menulis dalam Jawi. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan diduduki oleh pelajar-pelajar di akhir tahap dua bagi mengukur prestasi dalam bidang akademik.

Seterusnya pendidikan peringkat menengah bagi warganegara Malaysia yang berumur 12 hingga 17 tahun dan ke atas menawarkan program pendidikan yang berkualiti dan komprehensif menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula tahun 2017. Pendidikan peringkat menengah dibahagikan kepada Pendidikan Menengah Rendah dan Pendidikan Menengah Atas di mana Pendidikan Menengah Rendah bermula dari Tingkatan satu hingga Tingkatan tiga. Pelajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang tidak mencapai keputusan memuaskan dalam UPSR akan memasuki Kelas Peralihan yang bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu di sekolah menengah. Pelajar akan menduduki Pentaksiran Tingkatan tiga (PT3) di akhir persekolahan menengah rendah (KPM, 2015).

Pendidikan Menengah Atas pula bermula di Tingkatan empat hingga Tingkatan lima. Bagi peringkat ini, penawaran mata pelajaran adalah berdasarkan pengkhususan kepada pelajar bergantung kepada keputusan PT3. Pendidikan di Malaysia mengamalkan dasar kenaikan secara automatik ke Tingkatan empat tanpa mengambil kira keputusan PT3. Tujuan dasar ini adalah bagi memastikan pelajar memenuhi syarat berada dalam sistem pendidikan selama 11 tahun serta memastikan mereka mampu menguasai kemahiran bidang tertentu sebagai persediaan awal





melangkah ke dunia pekerjaan. Pendidikan peringkat menengah atas membolehkan pelajar mengikuti pelajaran di sekolah menengah akademik, sekolah menengah teknik, sekolah menengah agama, sekolah berasrama penuh dan sekolah sukan. Pelajar diberi pilihan untuk mengikuti pengajian dalam aliran sastera, sains, teknikal, atau agama berdasarkan kelayakan dan pilihan. Semua pelajar daripada sekolah menengah akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kecuali pelajar daripada sekolah menengah vokasional dan teknik yang perlu menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). Selepas tamat peperiksaan SPM atau SPMV, pelajar diberi peluang menyambung pengajian ke Tingkatan enam (T6) di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Dengan keputusan peperiksaan SPM dan SPMV yang memenuhi syarat-syarat tertentu membolehkan mereka menyambung pelajaran ke peringkat T6.



Sebelum tahun 2012, pembelajaran di T6 mengambil masa setahun setengah yang dibahagikan kepada T6 rendah dan T6 atas. Bermula tahun 2012, berlaku perubahan yang besar di mana kerajaan telah memperkenalkan Sistem Modular bagi T6. Pengajian di T6 Sistem Modular juga mengambil masa setahun setengah. Perbezaan Sistem Modular adalah berkaitan tempoh pengajian yang dibahagikan kepada tiga semester iaitu semester satu, semester dua, dan semester tiga. Tempoh setiap semester adalah selama enam bulan dan diakhir semester persekolahan pelajar akan menduduki Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pelajar mengambil peperiksaan ulangan setiap semester sekiranya ingin memperbaiki keputusan STPM semester tersebut.





Poh dan Melissa (2008) menyatakan pendidikan peringkat T6 adalah salah satu laluan yang membolehkan pelajar menyambung pelajaran ke peringkat institut pengajian tinggi awam dan swasta. Pelajar yang telah menduduki peperiksaan SPM dan tamat pengajian menengah atas boleh mengikuti pengajian di T6. Pengajian T6 menyediakan pilihan aliran Sains dan Sastera yang mengambil masa selama satu tahun enam bulan. Peperiksaan STPM merupakan penilaian kepada pengakhiran pengajian di peringkat T6.

Struktur pembelajaran T6 mengalami transformasi yang besar melibatkan perubahan sistem daripada Sistem Terminal kepada Sistem Modular iaitu sistem semester (KPM, 2012) yang bermatlamat ke arah membina negara bangsa melalui pembentukan kepimpinan. Aspek-aspek yang difokuskan adalah perpaduan, jati diri dan patriotisme dalam mendukung aspirasi nasional. Pendidikan prauniversiti juga mendidik pelajar secara holistik berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) seta berupaya menggalas tanggungjawab, matang, berjiwa kendiri, prihatin, berinovatif, berpandangan jauh, jati diri yang teguh serta budaya penyayang dan menyayangi.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Bermula tahun 2007 hingga 2011, bilangan kemasukan pelajar ke T6 semakin berkurang iaitu pada tahun 2007, pelajar T6 Atas seramai 105,796 orang dan semakin





berkurangan pada tahun 2011 dengan bilangan seramai 48,143 pelajar (KPM, 2011).

Bukti ini jelas menunjukkan pelajar lepasan SPM kurang berminat melanjutkan pelajaran di peringkat T6 dan menjadikan pendidikan di T6 sebagai pilihan paling akhir dalam melanjutkan pelajaran.

Perubahan sistem pembelajaran daripada Sistem Terminal kepada Sistem Modular merupakan antara usaha pihak KPM dalam menarik minat para pelajar lepasan SPM meneruskan pengajian di T6 sebelum menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan memartabatkan pendidikan di peringkat ini. Pendidikan prauniversiti lain seperti program matrikulasi, diploma dan program asas persediaan di universiti memberi persaingan yang hebat mengakibatkan pendidikan T6 kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar lepasan SPM (Mokhtar, 2013).

Bukti ini menunjukkan bahawa pendidikan T6 merupakan pilihan terakhir pelajar lepasan SPM. Sekiranya pelajar lepasan STPM gagal mendapat keputusan yang baik, peluang menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda akan berkurang. Oleh itu, perubahan yang dilakukan oleh pihak KPM seharusnya digunakan sebaik-baiknya oleh guru dalam proses PdPc bagi memastikan pelajar mendapat peluang terbaik menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Kajian ini penting untuk melihat adakah persediaan dan perancangan guru berlaku dengan sebaik-baiknya. Selain itu, adakah sistem baru iaitu Sistem Modular yang diperkenalkan oleh pihak KPM memberi senario yang baru prospek mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan?. Bagaimana persediaan guru dan





pelajar kesan daripada perubahan struktur pengajian T6?. Selain itu, kajian ini penting kerana kajian tentang PdPc secara keseluruhan di peringkat STPM kurang dijalankan di Malaysia. PdPc bagi mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di negeri Pahang juga tidak pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian tentang elemen-elemen dalam PdPc seperti perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan, beban tugas serta pelaksanaan PdPc ada dijalankan di peringkat SPM.

Kaedah pengajaran T6 agak berbeza dengan kaedah pengajaran tingkatan lima ke bawah. Menurut Pascarella (2005), pengajaran selepas pendidikan menengah memfokuskan bagaimana seorang pelajar belajar membangunkan intelektual dengan meluaskan penggunaan pendekatan pengajaran yang lebih inovatif. Sewajarnya tenaga pengajar T6 membantu pelajar dengan kaedah yang mampu membangunkan intelek mereka bersesuaian dengan taraf pengajaran prauniversiti. Stodolsky dan Grossman (2000) pula berpendapat pendekatan pengajaran inovatis berjaya menarik perhatian pelajar.

Kajian ini bertujuan mengetahui maklumat tentang PdPc bagi mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di peringkat STPM. Selain itu, kajian tentang elemen-elemen dalam PdPc juga ingin dijalankan kerana masih kurang kajian di peringkat STPM ini dijalankan di Malaysia. Bermula tahun 2012, berlaku perubahan yang besar dalam aspek pegurusan pendidikan T6 oleh pihak KPM dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dalam pelaksanaan pentaksiran baharu. Tujuan





perubahan ini dilakukan adalah untuk memartabatkan pendidikan T6 selain menarik minat para pelajar lepasan SPM meneruskan pengajian di peringkat ini. Oleh sebab itu guru-guru Ekonomi dan Pengajian Perniagaan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan perubahan ini supaya PdPc dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta memberi impak positif kepada pendidikan T6.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Mengenal pasti tahap perancangan dan persediaan guru.
2. Mengenal pasti tahap persediaan pelajar daripada perspektif guru.
3. Mengenal pasti tahap pelaksanaan PdPc.
4. Mengenal pasti tahap pengurusan mata pelajaran.
5. Mengenal pasti tahap beban tugas guru mata pelajaran.
6. Menentukan hubungan perancangan dan persediaan guru dengan pelaksanaan PdPc.
7. Menentukan hubungan persediaan pelajar dengan pelaksanaan PdPc.
8. Menentukan hubungan pengurusan mata pelajaran dengan pelaksanaan PdPc.
9. Menentukan hubungan beban tugas dengan pelaksanaan PdPc.
10. Menentukan hubungan pengalaman mengajar ke atas pelaksanaan PdPc.





## 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian berikut :

1. Apakah tahap perancangan dan persediaan guru ?
2. Apakah tahap persediaan pelajar daripada perspektif guru ?
3. Apakah tahap pelaksanaan PdPc?
4. Apakah tahap pengurusan mata pelajaran ?
5. Apakah tahap beban tugas guru mata pelajaran?
6. Adakah terdapat hubungan antara perancangan dan persediaan guru dengan pelaksanaan PdPc?
7. Adakah terdapat hubungan antara persediaan pelajar daripada perspektif guru dengan pelaksanaan PdPc?
8. Adakah terdapat hubungan antara pengurusan dengan pelaksanaan PdPc?
9. Adakah terdapat hubungan antara beban tugas dengan pelaksanaan PdPc?
10. Adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar ke atas pelaksanaan PdPc?





## 1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, hipotesis telah dibuat iaitu :

- Ho<sup>1</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perancangan dan persediaan guru dengan pelaksanaan PdPc.
- Ho<sup>2</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persediaan pelajar dengan pelaksanaan PdPc.
- Ho<sup>3</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan dengan pelaksanaan PdPc.
- Ho<sup>4</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan pelaksanaan PdPc.
- Ho<sup>5</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar ke atas pelaksanaan PdPc.

## 1.6 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa teori yang berkaitan. Lewin, Little dan Colclough (1982) melalui teori modal manusia mendapati pembangunan tenaga manusia adalah rasional daripada pengembangan perkhidmatan pendidikan. Selaras dengan objektif membangunkan negara dalam sektor tenaga manusia, pembangunan tenaga manusia adalah berasaskan pembinaan kapasiti. Rasional pengembangan





perkhidmatan pendidikan adalah mengutamakan keperluan melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran asas serta kemahiran spesifik lain hasil daripada sekolah dan program-program pendidikan lain.

Seterusnya teori kedua hasil penulisan Becker (1975) berkaitan modal manusia atau modal insan. Teori ini bergantung sepenuhnya kepada individu yang mempunyai produktiviti tinggi melalui aktiviti individu yang mendapatkan pendidikan serta latihan untuk menjadikan diri sebagai modal bertujuan meningkatkan produktiviti yang menyumbang kepada peningkatan kemakmuran serta pengeluaran negara dan kesejahteraan masyarakat.


Selain itu, Teori Resapan Inovasi yang dipelopori oleh Rogers juga digunakan dalam kajian kali ini. Rogers (1983) memberi definisi resapan sebagai proses menghubungkan inovasi melalui saluran tertentu berdasarkan kesesuaian masa sesebuah sistem sosial dalam kalangan ahli-ahlinya. Penemuan sesuatu yang baru dalam bentuk teknik-teknik, idea, barang atau teknologi akan berkembang sehingga diterima serta diamalkan sepenuhnya dalam masyarakat adalah ringkasan kepada perbincangan teori ini.



## 1.7 Kerangka Konseptual

Dalam Rajah 1.1 menerangkan tentang kerangka konsep kajian ini. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini diwakili oleh perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan, beban tugas dan pengalaman mengajar. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah diwakili oleh pelaksanaan PdPc.

Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual kajian menunjukkan hubungan antara perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan dan beban tugas dengan pelaksanaan PdPc. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan setiap satu elemen dengan pelaksanaan PdPc secara berasingan selain daripada mengenal pasti tahap setiap pemboleh ubah iaitu tahap perancangan dan persediaan guru, tahap persediaan pelajar



daripada perspektif guru, tahap pengurusan mata pelajaran, tahap beban tugas guru mata pelajaran dan tahap pelaksanaan PdPc.

## 1.8 Definisi Operasi

Definisi operasi merujuk kepada definisi yang mentakrifkan suatu konsep dengan menjelaskan satu himpunan manipulasi yang membentuk konsep tersebut atau dengan menyatakan operasi yang perlu dilakukan untuk mengukur konsep itu (Nik Azis, 2010). Dalam konteks kajian ini, beberapa definisi operasi digunakan untuk memberikan penerangan dan penjelasan berkenaan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan iaitu:



### 1.8.1 Sistem Modular (Penjenamaan Semula T6)

Menurut KPM (2009), Sistem Modular adalah sama dengan sistem yang digunakan di universiti melibatkan tiga penggal atau semester dan pelajar hanya perlu fokus kepada modul semester berkenaan sahaja berbanding Sistem Terminal di mana pelajar terpaksa mengulang kaji pelajaran dari T6 Bawah hingga T6 Atas dan menduduki STPM di hujung pengajian T6. Dalam Sistem Modular juga, 20 hingga 30 peratus daripada keputusan keseluruhan STPM diperoleh daripada kerja kursus atau kerja





projek serta penilaian lain selain kerja amali manakala 70 hingga 80 peratus diambil daripada peperiksaan STPM setiap penggal mengikut mata pelajaran yang diduduki.

Sejak STPM diwujudkan, sistem yang digunakan adalah Sistem Terminal dan apabila berlakunya perubahan, sistem ini dikenali sebagai Sistem Modular. Penjenamaan semula T6 merujuk kepada perubahan sistem atau struktur yang berlaku di peringkat prauniversiti bermula tahun 2008 melibatkan penstrukturkan semula T6 dari beberapa aspek seperti pengurusan pentadbiran, perjawatan guru dan beberapa elemen yang lain. Bermula tahun 2012, struktur pembelajaran prauniversiti mengalami transformasi yang besar melibatkan perubahan sistem daripada terminal kepada modular iaitu sistem semester (KPM, 2012).



### 1.8.2 Pengajian Tingkatan 6 (Prauniversiti)

Pengajian prauniversiti dalam kajian ini merujuk kepada pengajian di T6 untuk menduduki STPM. Pelajar-pelajar lepasan SPM boleh melanjutkan pelajaran ke prauniversiti dengan kelayakan tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak KPM.





### 1.8.3 Mata Pelajaran Ekonomi

Dalam kajian ini, mata pelajaran Ekonomi merujuk kepada kod subjek Ekonomi 944 di peringkat prauniversiti bagi Sistem Modular. Sukatan mata pelajaran Ekonomi Sistem Terminal yang dibahagikan kepada Makroekonomi dan Mikroekonomi perlu dihabiskan dalam tempoh satu tahun setengah manakala perubahan sukatan bagi mata pelajaran Ekonomi 944 sistem modular dipecahkan kepada Makroekonomi, Mikroekonomi dan Ekonomi Malaysia mengikut semester. Bagi Makroekonomi dan Mikroekonomi, skop PdPc diperincikan mengikut kesesuaian sistem semester bagi STPM Sistem Modular.



Mata pelajaran Pengajian Perniagaan dalam kajian ini merujuk kepada kod mata pelajaran Pengajian Perniagaan 946 dalam Sistem Modular di peringkat STPM. Sukatan subjek Pengajian Perniagaan di peringkat STPM perlu dihabiskan dalam tempoh satu tahun setengah dan pelajar akan mengambil peperiksaan STPM bagi mata pelajaran ini di akhir tempoh pembelajaran. Walau bagaimanapun, apabila berlaku perubahan sistem kepada Sistem Modular, skop isi kandungan pembelajaran diperincikan mengikut kesesuaian dan dibahagikan kepada tiga semester bagi sesi PdPc setiap semester.





### 1.8.5 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Fauzi, Razak dan Iskandar (2015) berpendapat, sebagai guru yang mendapat latihan dan berkompetensi, sesi PdPc adalah tempat membuktikan tahap keupayaan dan ukuran sejauh mana pengetahuan dan kemahiran yang diterima dapat diterjemahkan dalam bentuk praktikal bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif dan produktif. Dalam kajian ini, PdPc merujuk kepada satu sesi guru membimbing para pelajar bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

### 1.8.6 Perancangan dan Persediaan Guru

Aderi (2013) menyatakan tenaga pengajar atau guru perlu memilih sesuatu kaedah yang sesuai serta boleh memberikan penghayatan yang mendalam yang memberi kesan kepada kefahaman dan jiwa pelajar dan kaedah yang dipilih ini mampu membantu pelajar mengingat, memberi tumpuan, dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. KPM (2013) pula menyatakan strategi perancangan pengajaran adalah untuk membina serta mengukuhkan minat pelajar dalam PdPc serta membimbing dan mendidik mereka supaya bersedia menerima pelajaran, seterusnya berupaya meneruskannya sendiri. Dalam kajian ini, perancangan dan persediaan guru adalah kebolehan guru menganalisis pelaksanaannya terhadap semua aspek PdPc termasuk pemilihan dan pelaksanaan teknik, kaedah, aktiviti, bahan dan masa yang digunakan (Robbins, 2014). Selain itu, perancangan dan persediaan guru adalah





strategi yang guru gunakan seperti berpusatkan pelajar, berpusatkan guru, berpusatkan bahan atau gabungan semua strategi ini.

### **1.8.7 Persediaan Pelajar daripada Perspektif Guru**

PdPc di peringkat T6 memerlukan pelajar membuat persediaan awal sebelum melangkah masuk ke institusi pengajian tinggi. Pendidikan di peringkat prauniversiti bertujuan melahirkan pelajar yang dilengkapi kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, menyelesaikan masalah serta etika dan profesional (Hasril, Isma, Fathin, & Norhayati, 2016). Dalam kajian ini, aspek persediaan pelajar dilihat dari sudut pandangan guru yang mengajar T6 dalam sistem



### **1.8.8 Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)**

Syed Sofian dan Rohany (2010) dalam penulisannya menyatakan tanggungjawab serta peranan guru menjadi sukar, mencabar dan kompleks kesan daripada pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan. Guru perlu lebih kreatif dan inovatif dalam membuat persediaan menghadapi tanggungjawab dan cabaran yang semakin banyak, perubahan kurikulum dan kokurikulum dalam pendidikan bagi





memastikan pelaksanaan PdPc berjalan lancar dan mencapai matlamat yang diharapkan.

Pelaksanaan dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar daripada perspektif guru, pengurusan dan beban tugas guru memberi kesan terhadap pelaksanaan PdPc di peringkat T6. Pelaksanaan PdPc adalah hasil daripada perancangan dan persediaan yang diatur oleh guru sebelum memulakan sesi pembelajaran bersama pelajar.

### 1.8.9 Pengurusan

Saeda dan Sani (2012) memberi penerangan yang jelas tentang pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dalam dunia pendidikan kini melibatkan usaha menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani masalah pelajar melibatkan gejala sosial dan disiplin, pengurusan sekolah yang berkesan, harapan masyarakat serta banyak lagi. Guru perlu menguasai segala ilmu teknologi maklumat dan komunikasi bagi memastikan semua aspek pengurusan berjalan lancar serta menghasilkan kerja yang berkualiti dan tidak mengabaikan tanggungjawab utama sebagai guru.

Pengurusan dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana guru menguruskan perancangan dan persediaan mereka bagi mencapai matlamat dalam PdPc. Selain





daripada mengajar, guru-guru juga perlu terlibat dengan tugas-tugas pengurusan seperti menjadi Ketua Panitia mata pelajaran, Guru Penasihat Kokurikulum serta tugas-tugas sampingan lain.

### 1.8.10 Beban Tugas

Tugas utama seorang guru ialah mendidik dan mengajar pelajar dalam usaha mencapai matlamat PdPc. Walau bagaimanapun, Yaakob (1996) berpendapat, guru masa kini kebanyakannya dibebani dengan tugas sampingan sehingga memberi kesan kepada tugas yang utama iaitu mengajar. Fadzli, Janet, Irdiana, dan Nazrah (2005) mendefinisikan beban tugas sebagai pengalaman yang melibatkan emosi dan kurang

05-4506832 disenangi oleh guru seperti tekanan, kemarahan, keimbangan serta segala yang berkaitan tugas sebagai seorang guru. Dalam kajian ini, beban tugas merujuk kepada segala kerja yang dilaksanakan oleh guru dalam Sistem Terminal dan Sistem Modular yang boleh memberi kesan kepada emosi seperti tekanan dan kemarahan. Selain itu, beban tugas juga boleh menyebabkan tanggungjawab utama sebagai guru diabaikan.





## 1.9 Limitasi Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat limitasi tertentu terutama daripada segi peringkat sekolah yang ingin dikaji serta tempat kajian. Limitasi tersebut diuraikan menerusi tajuk serta tempat kajian.

Fokus kajian ini adalah pelaksanaan PdPc daripada aspek-aspek tertentu yang melibatkan sekolah menengah. Kajian ini memilih sekolah menengah yang dihadkan kepada sekolah menengah harian yang menawarkan pengajian T6.

Sekolah menengah harian yang dikaji terhad kepada sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di Negeri Pahang.

Dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada sekolah menengah harian yang menawarkan mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan di Negeri Pahang sahaja.

Sampel kajian ini terhad kepada guru-guru atau tenaga pengajar di sekolah menengah harian yang mengajar mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan. Guru mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan difokuskan kepada mereka yang mengajar di peringkat T6 sahaja di Negeri Pahang. Kajian berkaitan persediaan pelajar hanya dilihat daripada aspek guru sahaja.





## 1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini membantu penyelidik mengenal pasti tahap perancangan dan persediaan guru, tahap persediaan pelajar, pelaksanaan PdPc, pengurusan, tahap beban tugas guru serta menentukan hubungan antara perancangan dan persediaan guru, persediaan pelajar, pengurusan dan beban tugas dengan pelaksanaan PdPc. Kajian ini juga bertujuan menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan pelaksanaan PdPc. Harapan penyelidik supaya hasil kajian ini boleh dijadikan panduan serta rujukan untuk membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dalam menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke T6. Di samping itu, kajian ini diharapkan boleh memberi maklumat bagi membantu pihak sekolah mengenal pasti pendekatan yang lebih sesuai bagi menarik minat pelajar untuk mendaftar subjek Ekonomi dan



## 1.11 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya menerangkan secara terperinci latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi operasi, limitasi kajian dan kepentingan kajian. Tujuan utama penulisan bab ini supaya penyelidik tidak tersasar daripada objektif serta skop kajian. Keseluruhan bab ini juga membincangkan mengenai fokus utama kajian yang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
22

meliputi PdPc, pengurusan dan beban tugas guru mata pelajaran Ekonomi dan Pengajian Perniagaan STPM di negeri Pahang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi